

# Pas Kelantan puji PM

30 MARCH 1991

KOTA BAHARU 29 Mac — Pas Kelantan memuji Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang berjiwa besar kerana kesanggupannya menemui pemimpin Pas di negeri ini.

Naib Ketua Perhubungan Pas Negeri, Haji Nik Abdullah Arshad menegaskan, Pas tidak ingin melihat suasana keruh terus berlaku kerana bagi Pas pertentangan pendapat dengan UMNO hanya berlaku dalam pilihanraya sahaja.

"Pas tidak pernah mengecam sesiapa tetapi hanya menegur keburukan yang dilakukan oleh mana-mana pihak kerana itu hak kita," katanya semasa mengulas ucapan Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad di Kota Baharu semalam bahawa beliau sanggup menemui para pemimpin Pas di negeri ini dengan syarat mereka menunjukkan sikap ingin berbaik-baik.

Dalam ucapan itu Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, manusia mana yang sanggup ber-

**LIHAT MUKA 2**

## 30 MAR 1991 PAS KELANTAN PUJI PM

jumpa dengan Pas sedangkan beliau dituduh dengan bermacam-macam perkara, baik dalam ucapan mahupun dalam akhbar mereka.

Haji Nik Abdullah yang juga Ahli Parlimen Pengkalan Chepa memberitahu, syarat yang disarankan oleh Perdana Menteri itu tidak berbangkit kerana Pas tidak pernah mengecam sesiapa hanya sekadar menegur apa yang dipandang buruk.

"Menegur dengan niat yang ikhlas adalah menjadi tugas kita dalam Islam dan Islam juga tidak membenarkan perbuatan memburukkan sesiapa," katanya.

Haji Nik Abdullah menarik perhatian bahawa sejak Pas berkuasa di negeri ini selepas pilihanraya yang lalu pihak Menteri Besar, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat sudah pun mengeluarkan kenyataan tentang kesediaan untuk bertemu dengan Perdana Menteri.

Pertemuan itu, katanya, mempunyai sebab bagi kepentingan negara dan rakyat dan sebagai seorang pemimpin

yang berjiwa besar seperti Perdana Menteri itu, Pas menyambut baik kesanggupan beliau untuk menemui pemimpin Pas negeri ini.

"Kita orang-orang Pas sentiasa bersedia untuk bertemu dengan sesiapa sahaja lebih-lebih lagi dengan Kerajaan Pusat yang kita tidak boleh berpisah dalam urusan pentadbiran dan pembangunan Negara.

"Kita sama-sama bertanggungjawab untuk melindungi rakyat dan menjaga keselamatan negara," ujar beliau.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam berkata, usaha masih diteruskan bagi menjemput Perdana Menteri melawat Kelantan.

Beliau bagaimana pun berkata, usaha-usaha awal bagi tujuan itu telah menjadi sejuk tetapi usaha ke arah itu masih diteruskan.

Di **Kuala Lumpur**, Pas mengakui membuat pelbagai kecaman terhadap Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berhubung banyak per-

kara, sama ada dalam ucapan para pemimpin mahupun yang diterbitkan dalam akhbar parti itu.

Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Haji Abu Bakar Chik, berkata, bagaimanapun kecaman-kecaman yang dibuat itu berdasarkan kepada prinsip perjuangan antara parti politik.

Katanya, sebagai pemimpin parti memerintah, Perdana Menteri harus menerima kecaman ini kerana ia bukannya bertujuan untuk menentang dasar kerajaan.

"Semua kritikan Pas terhadap parti pemerintah tidak berhubung dengan kerajaan dan bagi Pas adalah tidak salah jika Pas bertindak demikian berdasarkan kepada landasan perjuangan parti yang berbeza," katanya ketika dihubungi di Kuala Terengganu bagi mengulas kenyataan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Mengenai pertemuan antara Perdana Menteri dengan pemimpin Pas Kelantan yang diminta oleh parti itu, Haji Abu Bakar berkata, pertemuan itu tidak membabitkan pemimpin Pas pusat.